

KABINET - KENDERAAN

1985
KUALA LUMPUR, 27 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGARAHKAN SEMUA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN MEMBELI KERETA YANG DIPASANG DI NEGARA INI APABILA MENUKAR KENDERAAN RASMI MASING-MASING.

BELIAU MEMBERI ARAHAN ITU DALAM SIDANG MINGGUAN KABINET DI JABATAN PERDANA MENTERI, DI SINI HARI INI.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS SIDANG ITU, MENTERI PENERANGAN DATUK RAIS YATIM BERKATA TUJUANNYA IALAH UNTUK MEMBERI CONTOH YANG JELAS BAHAWA KERAJAAN MEMANG BERSUNGGUH-SUNGGUH MELAKSANAKAN KEMPEN MEMBELI BARANG-BARANG TEMPATAN.

LANGKAH ITU BUKAN SAHAJA DAPAT MENYELAMATKAN PERTUKARAN WANG ASING TETAPI AKAN MEMBERIKAN KESAN POSITIF DAN PENILAIAN LEBIH BAIK TERHADAP BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA, KATANYA.

MENURUT BELIAU, PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN YANG MENGGUNAKAN KERETA RASMI, APABILA MENGGANTI KENDERAAN JUGA DIWAJIBKAN MEMBELI KERETA YANG DIPASANG DI NEGARA INI.

KERAJAAN TIDAK LAGI MEMBENARKAN IMPORT KERETA UNTUK KEGUNAAN RASMI.-- BERNAMA

1474MST 27 03 85
B 8320 AAB

KABINET - KENDERAAN 2 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B237)

DALAM SATU PERTEMUAN DENGAN BERNAMA DI ANGKASAPURI, PETANG INI, DATUK RAIS BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM MESYUARAT HARI INI JUGA MENGARAHKAN DASAR-DASAR DAN KEMPEN MEMBELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA DIBERI KEUTAMAAN YANG TERPENTING.

UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU, BELIAU MENGARAHKAN BEBERAPA LANGKAH POSITIF DIAMBIL OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN SENDIRI TERMASUK MEMBELI KERETA YANG DIBUAT ATAU DIPASANG DI NEGARA INI APABILA MENGGANTI KENDERAAN RASMI MASING-MASING.

ARAHAN ITU BERTUJUAN UNTUK MENUNJUKKAN TELADAN YANG BERKESAN UNTUK MENYAKINKAN RAKYAT BAHAWA BARANGAN BUATAN MALAYSIA ITU LEBIH UTAMA.

+ SAYA MEMAHAMI WALAUPUN PERDANA MENTERI TIDAK MENYEBUT ARAHAN ITU KEPADA MENTERI-MENTERI BESAR DAN ANGGOTA-ANGGOTA EXCO TETAPI MEREKA ADALAH TERGOLONG DALAM ARAHAN ITU, + KATANYA.

DATUK RAIS BERHARAP KEMPEN MEMBELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA INI MENDAPAT SATU PENONJOLAN YANG DIPERLUKAN SESUAI DENGAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN. -- LAGI
1852MST 27 03 85

KABINET - KENDERAAN 3 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK RAIS PENONJOLAN ITU AKAN MEMBERI SATU IDENTITI BERKESAN KEPADA NEGARA DALAM MENYEMAI SEMANGAT CINTA AKAN BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA DI KALANGAN RAKYAT.

+ IKLAN-IKLAN YANG DISIARKAN DI TELEVISYEN, RADIO, DAN AKHBAR HENDAKLAH MENGUTAMAKAN BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA DAN BUKANNYA MENONJOL-NONJOLKAN BARANG-BARANG BUATAN LUAR, + KATA BELIAU.

BELIAU MENGGESA PARA PENGELUAR TEMPATAN SENTIASA MEMPERTINGKATKAN MUTU BARANG-BARANG BUATAN MEREKA SUPAYA MINAT DAN HARAPAN RAKYAT TERHADAP BARANGAN TEMPATAN TIDAK MEROSOT.

ARAHAN ITU TIDAK TERBATAS KEPADA KERETA SAHAJA TETAPI MENYELURUH MELIPUTI PAKAIAN, MAKANAN DAN BARANG-BARANG KEPERLUAN SEHARIAN, KATANYA. -- BERNAMA.

1853MST 27 03 85